



## KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<a href="#"><u>Johor out to promote use of solar panel</u></a>	The Star	Klik pada tajuk berita
2.	<a href="#"><u>Contradicting Xavier, Fuziah insists groundwater near Lynas plant contaminated</u></a>	The Star	Klik pada tajuk berita
3.	<a href="#"><u>Controversy remains over radioactive waste from Lynas plant</u></a>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
4.	<a href="#"><u>Penang to return 265 waste-filled containers to countries of origin / Penang to send back 265 containers of plastic waste</u></a>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 1
5.	<a href="#"><u>NGOs question Malaysia's stand on entry of global waste</u></a>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
6.	<a href="#"><u>NGOs question M'sia's stand on global waste</u></a>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
7.	<a href="#"><u>NGOs question Malaysia's official stand on entry of global waste</u></a>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
8.	<a href="#"><u>NGOs question Malaysia's stand on plastic waste imports</u></a>	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
9.	<a href="#"><u>Institute planned to cultivate talent in renewable energy</u></a>	Daily Express	Klik pada tajuk berita
10.	<a href="#"><u>NGOs question Malaysia's stand on global waste entry</u></a>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
11.	<a href="#"><u>Bans alone won't reduce plastic usage</u></a>	Edge Prop	Klik pada tajuk



			berita
12.	<a href="#"><u>NGOs question Malaysia's stand on entry of global waste</u></a>	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita
13.	<a href="#"><u>Pahang DoE launches investigation on illegal plastic waste storage plant / Probe into Pahang Plastic Waste Plant</u></a>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 2
14.	<a href="#"><u>Solar-powered administrative buildings in Johor next year</u></a>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
15.	<a href="#"><u>Bans alone won't reduce plastic usage, say groups</u></a>	Daily Express	Klik pada tajuk berita
16.	<a href="#"><u>Cause of death of Orang Asli still unconfirmed, says health ministry</u></a>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
17.	<a href="#"><u>Kuala Koh orang asli village under quarantine</u></a>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
18.	<a href="#"><u>No compromising on environmental safety with Lynas</u></a>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
19.	<a href="#"><u>Johor state to "solar-ify" administration buildings in 2020</u></a>	Edge Prop	Klik pada tajuk berita
20.	<a href="#"><u>Siasat gudang sampah</u></a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
21.	<a href="#"><u>Perang sisa plastik dunia, ke mana arah tuju Malaysia?</u></a>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
22.	<a href="#"><u>Sampel air dari pelbagai lokasi dianalisis / JAS Kelantan ambil sampel air di tiga lokasi</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 3
23.	<a href="#"><u>Kualiti air kolam takungan Orang Asli Batek di Kuala Koh keruh - JAS</u></a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita



24.	<u>Tiada lombong bijih besi / Tiada rekod lombong bijih besi – Mohd. Amar</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 4
25.	<u>Sampel air dari 3 sungai yang menjadi sumber air Orang Asli kini dihantar ke jabatan kimia untuk siasatan</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Kematian bukan disebabkan pencemaran air</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Kelantan sangkal dakwaan wujud aktiviti perlombongan</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Dadah NPS kalis ujian urin</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Kualiti air kolam takungan Orang Asli Batek di Kuala Koh keruh - JAS</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Hujan lebat setempat dijangka berlaku sepanjang minggu ini</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
31.	<u>Malaysian companies urged to explore opportunities within Industry 4.0</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
32.	<u>Stricter checks at ports for plastic waste</u>	The Malaysian Reserve	Klik pada tajuk berita
33.	<u>Gagal bukti bebas pencemaran</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 5
34.	<u>Syarikat Malaysia digesa teroka peluang Industri 4.0</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 6
35.	<u>'Bukan pencemaran air'</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 7



## TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
36.	<a href="#"><u>Why ignore other higher-risk industries? Lynas asks critics</u></a>	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
37.	<a href="#"><u>TNB partners with mpsp to reduce carbon footprint</u></a>	Daily Express	Klik pada tajuk berita
38.	<a href="#"><u>Be practical about environmentally-friendly measures</u></a>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 8
39.	<a href="#"><u>Will our rare earths exports rise?</u></a>	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
40.	<a href="#"><u>Rakyat Malaysia hasil 37,890 tan sisa setiap hari</u></a>	Berita Harian	Rujuk lampiran 10
41.	<a href="#"><u>Penduduk tak endah arahan lakukan pengasingan</u></a>	Berita Harian	Rujuk lampiran 11
42.	<a href="#"><u>Taman Permainan Bahan Terpakai</u></a>	Harian Metro	Rujuk lampiran 12

## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
43.	<a href="#"><u>Lombong runtuh di China 9 terkorban</u></a>	Kosmo!	Rujuk lampiran 13
44.	<a href="#"><u>Letusan Sinabung jejas tiga daerah di Aceh</u></a>	Kosmo!	Rujuk lampiran 14
45.	<a href="#"><u>Research focus on just mice and males outdated</u></a>	New Straits Times	Rujuk lampiran 15

**LAMPIRAN 1**  
**NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

## Penang to send back 265 containers of plastic waste

**GEORGE TOWN:** Penang will send 265 containers of plastic waste held up at the North Butterworth Container Terminal back to their countries of origin.

State Environment Committee chairman Phee Boon Poh said the state would act on instructions from the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry.

The containers have been brought in from countries including Belgium, Hong Kong, France, Germany and Canada.

The first step, he said, was to identify the containers that belonged to the 11 companies that imported global waste, which includes household waste.

"Once we work out the details, we will contact the companies and start negotiations on sending the waste back."

"Negotiations are needed because the companies can refuse to send the containers back."

"We need to discuss the freight charges and the cost of returning the containers."

"We need to get an undertaking that the companies will not dump the waste into the ocean half-way," he told the *New Straits Times*.

Phee said that the negotiations could take time. "The principle is that we will have to send it (the waste) back (to the countries of origin) in a month's time."

It was reported that the containers, of which only 149 were declared, were brought into the country under a household waste

code and without a permit for plastic waste.

The companies involved in importing the waste hid the plastic waste in the containers behind a wall of household waste to evade Customs' detection.

They have to pay a RM1,000 fine per container.

The 40-foot containers, with a total weight of 7,420 tonnes, have been sitting at the port for the past six months.

It is believed to have incurred RM3 million in port charges.

When asked whether other legal action would be taken against the companies, Phee said they were waiting for instructions from the ministry and the authorities.

"There could be further action against the companies."

"At the moment, we have fined them only for wrong declaration and not false declaration, which are two different things."

"We need to wait for instructions from the authorities on our next course of action."

Malaysia has taken firm steps against becoming a global dumping ground.

Sixty-two Malaysian companies hold approved permits to import and process plastic waste.

In July last year, the ministry announced a three-month suspension of the issuance of permits following a contamination in Kuala Langat, Selangor, believed to have been caused by a factory processing plastic waste illegally.



*Penang Environment Committee chairman Phee Boon Poh (left) and Penang Customs Department director Datuk Saidi Ismail inspecting one of the 265 containers at the North Butterworth Container Terminal yesterday.* PIC BY DANIAL SAAD

**LAMPIRAN 2**  
**NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**



*Huge pile of plastic waste stored at a warehouse in an oil palm plantation in Karak. PIC COURTESY OF SABAH ASSEMBLYMAN D. KAMACHE*

**DOE VERIFYING ALLEGATIONS**

## **PROBE INTO PAHANG PLASTIC WASTE PLANT**

**DoE collecting info on warehouse near oil palm plantation**

T.N. ALAGESH  
**KUANTAN**  
news@nst.com.my

**T**HE Pahang Department of Environment (DoE) has teamed up with several agencies to probe into the alleged existence of a plastic waste warehouse facility near an oil palm plantation in Karak.

Its director, Rosli Zul, said DoE — with representatives from the National Solid Waste Management Department (NSWMD), Solid Waste and Public Cleansing Corporation and Bentong Municipal Council — visited the site yesterday to gather details.

"The enforcement teams are verifying the allegations. We will have to collect information before providing updates."

"The operating licence is under the jurisdiction of the local municipal council and NSWMD, only they can comment on it."

The permit to process plastic waste is issued by NSWMD within the Housing and Local Government Ministry while the business licence involves the local council.

Last week, Bentong member of parliament Wong Tack exposed the plastic waste plant's operations following a visit to the site after a tip-off from residents.

Wong, who visited the site with Sabah assemblyman D. Kamache and Bilut assemblyman Lee Chin Chen, claimed the plant, with plastic materials brought in from Canada, had been operating illegally for the past year.

He said Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin had been informed about the plant.

Kamache said the illegal plastic waste dumping site was located on land supposedly belonging to the Central Spine Road (CSR) project.

She said the warehouse site was

a few kilometres from the Karak-Kuala Pilah main road and was surrounded by an oil palm plantation.

She claimed the waste was buried under the trees.

"Based on the labels and information on plastic materials, we believe the items were brought in from Canada for recycling."

"This is against the law. Some of the waste was kept out in the open while there were also huge piles kept at the warehouse."

"This is an illegal recycling factory and we hope the authorities will order the operator to clean up the mess soon."

It is learnt that the plastic waste site was located on reclaimed land was meant for the CSR project, a dual carriageway connecting Bentong and Kuala Krai, Kelantan.

Following a series of incidents involving environmental contamination, Yeo had declared a war on plastic waste.

Last month, she ordered 60 containers of contaminated plastic waste stranded at Port Klang to be sent back to the countries of origin in stages.

**LAMPIRAN 3**  
**BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 9**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**



Dua sampel diambil di kolam takungan di kawasan lombong, manakala satu lagi di tадahan bukit sebelum dihantar ke Jabatan Kimia bagi dianalisis.

**Hamzah Mohamad,**  
Pengarah JAS Kelantan

## JAS Kelantan ambil sampel air di tiga lokasi

**Kota Bharu:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kelantan sudah mengambil sampel air dari tiga lokasi di Kampung Kuala Koh, Gua Musang bagi mengenal pasti tahap pencemarannya.

Pengaruhnya, Hamzah Mohamad, berkata dua sampel diambil di kolam takungan di kawasan lombong, manakala satu lagi diambil di tадahan bukit sebelum semua dihantar ke Jabatan Kimia bagi dianalisis dengan keputusannya dijangka diketahui dalam masa seminggu.

"Satu lagi sampel diambil hari ini (semalam) di sungai berdekatan kampung Orang Asli Kuala Koh yang jadi sumber air minuman dan makanan. Hasil pemerhatian awal ketika mengambil sampel air di kolam takungan dekat lombong, mendapati ia keruh, namun tidak

digunakan penduduk Orang Asli sebagai sumber air.

"Malah air dari kolam takungan terbabit tidak dilepaskan ke sungai yang jadi sumber air. Cuma kita mahu tahu kandungannya, manakala kualiti air di kawasan tадahan air yang diambil pula berada di tahap jernih," katanya ketika dihubungi, semalam.

### **Lokasi pemantauan**

Hamzah berkata, penempatan Orang Asli suku Batek itu sebenarnya sudah menjadi lokasi pemantauan pihaknya selepas mengadakan lawatan pada April lalu, namun ketika itu pihaknya tidak mengesahkan apa-apa sisa aktiviti perlombongan, malah sebarang aduan juga tidak diperoleh daripada penduduk terbabit.

"Apapun kita tunggu keputusan

daripada Jabatan Kimia dalam masa terdekat. Saya tidak mahu ulas apa-apa lagi keputusan tidak diperoleh," katanya.

Sementara itu, BERNAMA meminti Pakar Kualiti Air dan Permodelan, Dr Zaki Zainuddin, berkata pihak bertanggungjawab khurusnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu menjalankan kajian lebih teliti terhadap punca air dan air sungai di penempatan Orang Asli di Kuala Koh untuk mencari punca sebenar kes kematián di situ.

**Ujian perlu dibuat berkala**  
Katanya, walaupun JAS Kelantan sebelum ini mengesahkan bahawa sumber air Orang Asli di kawasan itu bebas daripada pencemaran, ujian perlu dilakukan secara berkala untuk mendapatkan keputusan lebih tepat.

"Pihak yang bertanggungjawab perlu buat persampelan air secara berkala untuk melihat kualiti air yang digunakan Orang Asli. Sampel selepas hujan dan sebelum hujan berbeza kerana selepas hujan ia akan membabitkan air 'larian' dan kita tidak boleh memutus-kannya (tercermat atau tidak) hanya dengan satu ujian.

"Analisis secara teliti perlu dilakukan seperti ujian mikrobiologi untuk mengesan kandungan bakteria, namun ia tidak menjadi masalah jika Orang Asli memasak air itu sebelum meminumnya.

"Ia jadi masalah jika air sungai itu mengandungi bahan kimia serta logam berat seperti arsenik, aluminium, merkuri, nikel, kadmium, plumbum dan besi kerana ia tidak boleh hilang walaupun air itu dimasak," katanya.

**LAMPIRAN 4**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

## Tiada rekod lombong bijih besi – Mohd. Amar

**KOTA BHARU 10 Jun** – Kerajaan Pas Kelantan menafikan dakwaan terdapat lombong bijih besi yang dibenarkan beroperasi di kawasan berhampiran pentempatan penduduk Orang Asli suku kaum Batek di Kuala Koh, Gua Musang.

Timbalan Menteri Besar, Da-

tuk Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, tidak ada rekod mengenai aktiviti perlombongan yang sah di kawasan itu dan perkara ini turut diakui **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** negeri sendiri.

Malah beliau berkata, dakwaan bahawa penduduk dijangkiti radang paru-paru kerana

sumber air tercemar akibat kewujudan lombong haram juga tidak tepat kerana penyakit berkaitan pernafasan ini adalah sejenis penyakit bawaan udara.

“Kalau nak kata (kerana) lombong terlalu awal, kenyataan itu juga tidak bertanggungjawab. (Lombong) dekat mana dia se-

but pun saya tak tahu, saya kena rujuk dulu.

“Menteri ini kadang-kadang dia bukan ada maklumat yang tepat, kalau perlombongan secara haram pun bukan masalah kita tapi disebabkan pelombong itu sendiri, bukan dengan restu kerajaan,” katanya di sini hari ini.

**LAMPIRAN 5**  
**SINAR HARIAN (TEMPATAN): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

# **Gagal bukti bebas pencemaran**

***Lynas Malaysia belum dapat buktikan dakwaan sisa nadir bumi selamat daripada pencemaran***

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

**L**ynas Malaysia Sdn Bhd belum dapat membuktikan bahawa dakwaan sisa dari pada nadir bumi itu selamat daripada sebarang pencemaran logam berat.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, data yang diambil untuk jangka masa 12 bulan sejak September 2015 dari stesen pemantauan air bawah tanah syarikat itu sendiri menunjukkan keadaan sebaliknya.

Menurutnya, Lynas menafikan bahawa operasinya menyebabkan pencemaran logam berat yang serius.

“Memanglah Lynas tidak akan mengaku terhadap pencemaran tersebut kerana jika mengaku, nanti dia

(Lynas) kena bertanggungjawab terhadap pencemaran tersebut.

“Sebagai syarikat perlombongan nadir bumi yang dikatakan agak baharu, masa depan Lynas bergantung kepada kebolehannya untuk menyembunyikan masalah sebenar yang sedang dihadapinya di negara ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, pengesahan pencemaran air bawah tanah memerlukan kaedah pemantauan yang lebih kerap, berpanjangan dan secara teknikal.

Menurutnya, kesimpulan boleh dibuat dengan adanya statistik yang meyakinkan berdasarkan beberapa jenis sampel diambil secara berulang kali di sepanjang musim termasuk mengambil kira faktor perubahan musim.

“Pencemaran jenis ini mempunyai kesan yang serius terhadap kesihatan awam dan persekitaran untuk jangka masa panjang,” katanya.

Minggu lalu, Lynas mendakwa



FUZIAH

**ISU LYNAS**

pengkritiknya terbukti salah selepas menuduh operasi Gebeng menghasilkan sisa berbahaya.

Dakwaan itu susulan kenyataan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar pada bulan lalu yang mengatakan air bawah tanah di sekitar loji Lynas sudah tidak dicemari logam berat.

Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dr Nagulendran Kangayatkarasu turut membuat kenyataan bahawa peningkatan mendadak bacaan logam berat dalam air bawah tanah sekitar loji Gebeng tidak berpunca daripada Lynas.

Kenyataan itu begitu konsisten dengan hasil pemantauan dan analisis air bawah tanah oleh Lynas Malaysia.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, sisa Lynas mengandungi unsur radioaktif semula jadi (Norm) yang dianggap radioaktif di Australia.

**LAMPIRAN 6**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 38**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

# Syarikat Malaysia digesa teroka peluang Industri 4.0

**KUALA LUMPUR 10 Jun** - Syarikat Malaysia diseru meneroka peluang perniagaan eksponen dalam Industri 4.0 terutamanya sebagai penyelesaian dan penyedia produk bagi melengkapai keseluruhan rantaian nilai.

Sembilan tonggak Industri 4.0 ialah robotik autonomi, simulasi, integrasi sistem, internet untuk segala-galanya (IoT), sekuriti siber, awan, pembuatan bahan tambahan, data raya dan analisis.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunus berkata, syarikat perlu melihat perkara itu dalam ruang lingkup yang lebih besar dan menjadi penyedia berbanding hanya menjadi pengguna yang memanfaatkan Industri 4.0 memandangkan ketika ini penawaran bagi kebanyakan penyelesaian dan produk dikuasai oleh orang asing.

Beliau berkata, ia bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan terhadap produk dan penyelesaian Industri 4.0



NORHALIM YUNUS

yang diimport, malah syarikat juga boleh membantu entiti tempatan dan menangani keperluan pasaran luar negara.

"Kami (MTDC) bukan sahaja membantu syarikat Malaysia untuk menggerakkan rantaian nilai sebagai pengguna teknologi, namun mempertimbangkan untuk mewujudkan peluang dan memperluas syarikat tempatan bagi menawarkan produk dan perkhidmatan.

"Jika kita boleh menggunakan sekumpulan syarikat Malaysia yang bagus dalam siber sekuriti, *augmented reality* (AR) dan robotik, barulah boleh membantu mereka menggerakkan teknologi rantaian nilai kerana keperluan kita mungkin berbeza berbanding pelanggan dari negara lain," katanya kepada Bernama.

Norhalim berkata, dengan

mewujudkan teknologi tersendiri syarikat tempatan akan menerima faedah hasil daripada kurangnya kelalaihan manusia khususnya dalam industri berat dan yang lebih penting ialah kos lebih rendah berbanding teknologi seumpama itu berikutnya harga import yang lebih mahal.

Beliau berkata, syarikat juga boleh terhindar daripada isu perkhidmatan dan penyenggaraan selepas itu selain isu-isu yang berkaitan.

"Terdapat banyak potensi dalam robotik memandangkan kebanyakan industri masih bergantung kepada tenaga kerja manual yang diimport, misalnya industri perabot yang mana teknologi robotik akan memudahkan pertukaran setiap syif bagi dua hingga tiga pekerja untuk tugasannya pilih dan tempatkan," katanya.

Bagi menggalakkan kemajuan teknologi dalam kalangan syarikat Malaysia, Norhalim berkata, MTDC telah menujuhkan *Centre of 9 Pillars* (Co9P) iaitu pusat berdasarkan komuniti bagi memupuk inovasi Industri 4.0 baharu dalam membantu memusatkan peningkatan teknologi syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS). - BERNAMA

**LAMPIRAN 7**  
**SINAR HARIAN (TEMPATAN): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

## **KEMATIAN MISTERI DI GUA MUSANG**

# **'Bukan pencemaran air'**

*Kerajaan  
Kelantan sangkal  
dakwaan wujud  
aktiviti  
perlombongan*


### KOTA BHARU

**K**erajaan negeri menyangkal dakwaan penyakit misteri yang dikatakan menyerang penduduk Orang Asli suku Batek di Kuala Koh, Gua Musang berpunca daripada pencemaran air hasil aktiviti perlombongan di kawasan itu.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Abdullah berkata, kerajaan negeri kini sedang menunggu maklumat lengkap daripada agensi terlibat untuk mengetahui pasti isu sebenar dengan lebih lanjut.

"Setakat ini, Jabatan Kesihatan berkata ia berpunca daripada pneumonia iaitu *airborn disease* atau penyakit berkaitan dengan udara, tida kaitan dengan air."

"Jika kita kaitkan dengan perlombongan, ia terlalu awal dan ia kenyataan tidak bertanggungjawab," katanya ketika ditemui pemberita di



Mohd Amar (kiri) ketika ditemui wartawan yang mahu mendapatkan penjelasan lanjut mengenai aktiviti perlombongan di Kuala Koh.

JKR 10 di sini semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri juga tidak pasti jika wujud perlombongan haram

di kawasan tersebut kerana masih menunggu laporan Pejabat Tanah dan Galian.

Mohd Amar berkata, ia

termasuk untuk memastikan sama ada wujud pelombongan yang beroperasi walaupun lesen tamat tempoh.

"Setahu saya, tiada perlombongan di kawasan itu. Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga beritahu tiada aktiviti perlombongan."

"Tapi kalau ada yang haram, itu kita tidak tahu lah," katanya.

Sebelum ini ada pihak mendakwa pencemaran air bukit dan anak sungai Lebir dekat Kampung Kuala Koh, di sini dipercaya berpunca daripada aktiviti perlombongan bijih mangan atau keluli, sehingga menyebabkan kematian 13 penduduk orang asli suku Bateq.

### Beri kerjasama penuh kepada Jakoa

**KOTA BHARU** - Kerajaan Kelantan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak terutama Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) untuk membantu mengurangkan kebijakan masyarakat orang asli yang berada di Kuala Koh.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Abdullah berkata, buat masa ini semua urusan telah dilakukan Jakoa termasuk membawa mangsa keluar dan memberi makanan.

"Kerajaan negeri kena bertindak me-

lalui Jakoa. Kita tidak boleh pergi sesuka hati macam itu sebab setiap orang ada bidang tugas dan tanggungjawab sendiri. Jadi kita akan bergerak ikut bidang tugas.

"Cuma kita beri kerjasama penuh kepada Jakoa dalam semua bidang. Kita sejak dahulu lagi memang jalan seiring dengan Jakoa tapi jabatan itu yang kena pandu sebab ia ditubuhkan untuk menjaga orang asli," katanya kepada pemberita di JKR10 di sini semalam.

**LAMPIRAN 8**  
**THE SUN DAILY (SPEAK UP): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

## Be practical about environmentally-friendly measures

BY DANIEL CHANDRANAYAGAM

**WHEN** I was 11 and I had a stint in New Zealand, I was amazed that no plastic bags were used for shopping.

Since then, I would like to think that I am reasonably environmentally-friendly. I carry shopping bags in my car and use them; I recycle all the time; even before it became trendy to stop using straws, I was sipping teh tarik from a glass; I was even shopping at some zero-waste stores way before the herd.

So it was to some surprise when someone said to me that I had "no heart" for the environment, just because I said I shop at zero-waste stores when it was convenient, and sometimes shop elsewhere because of the prices. Apparently, "it's not about the price, it's about the heart".

I'm not sure how compelling this argument is. In fact, this kind of militant attitude made me want to suck on three straws from a plastic cup, flicking cigarette ash and stubs into nearby drains, while leaving my car engine on, preferably spouting diesel fumes.

Let's assume that if humankind had a heart for the environment, they would do their best to



shop zero-waste, no matter how inconvenient. So it is better to travel around Klang Valley driving from zero-waste to zero-waste store, contributing to traffic and vehicle pollution within the Klang Valley? How great is that for the environment?

Let's say you opt to buy online and take the delivery charges. What if you could save money by just walking to a store next to your workplace? Opting for an online purchase would mean the delivery guy would be contributing the traffic and vehicle pollution, plus you're paying for that environmental degradation.

I have nothing against zero-waste stores or products. In fact, I love them, and I tend to visit them often. Many times, the edibles there can be more economical. But what's a big turn-off is when one puts forward anything less than 100%

support, it's like one is being the biggest polluter of the planet.

Just one or two views of Insta stories or Facebook postings within zero-waste stores shows any discerning viewer that they aren't so zero-waste after all. Hello, cellophane tape on packing boxes? Polymer in cellophane tape? That's single-use plastic!

As with any issue, whether environmental, political or social, there are so many issues to consider before judging and reacting to others with a different opinion.

Let's say we phase out plastic from the environment, a move I would laud. But I would also ask what would happen to the 2.5 million people who are employed in the plastic industry (that's US and Europe, China would have more, yielding 25% of the world's plastic). Where would they go to? Would they be retrained? Would they get paid while being retrained? What would happen to their families?

These figures are for the plastic industry (polymer), not including those employed within the supply chain. Who has a heart to help think of a solution for these people?

And what about the lower income strata of

society, who use single-use plastic everyday? Do these people have "no heart" for the environment? Are those with knowledge doing anything about educating this strata of society, helping them find economical and sustainable solutions?

The irony of it all is these zero-waste warriors are tapping out their combatant verbose on mobile devices, a huge single-use plastic product if ever there was one!

Three hundred and fifty thousand mobile phones are discarded every day, amounting to 152 million phones a year. Some of these tree-huggers have more than one car. About 50% of a car is made of plastic, most of which is single-use.

Let me tell you, it breaks my heart to see turtles with plastic straws stuck up their noses and dolphins dying because of the plastic bags they swallow. Still, buying silicone bags for *tapao* (and silicone bags are not biodegradable) and shopping at zero-waste stores can only be the start of a solution and not the solution in itself.

**Daniel** is enthusiastic about fitness, yoga and writing. Comments: [letters@thesundaily.com](mailto:letters@thesundaily.com)

**LAMPIRAN 9**  
**NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 9**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

GLOBAL POLITICS

# WILL OUR RARE EARTHS EXPORTS RISE?

This is in light of China's threat to curb exports of valuable minerals to the US

FARAH ADILLA  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE prospects of Malaysia growing its rare earths exports are looking better as the minerals used for military equipment and consumer electronics are expected to be in demand and used as a bargaining chip in the United States and China trade dispute.

Bank Islam chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid said from an economic point of view, this could mean a new business venture that would fa-

cilitate the diversification of Malaysian economic activities.

"This will boost or solidify our hold on the electronic industry's supply chain," he told the *New Straits Times* (NST).

However, he said, the elephant in the room, which was international politics, could not be ignored.

"Nonetheless, these forces are fluid as politicians come and go, especially in the context of the US presidential election next year."

"What matters is the value proposition of the industry (rare earths) and how it can benefit Malaysian companies and em-

ployees, while at the same time, be mindful of environmental issues."

Last week, it was reported that the US was looking to source rare earths after China threatened to curb exports to the country, as part of a plan to find diversified reserves outside China.

Quoting sources, a report said, the US Department of Defence had held talks with Malawi's Mkango Resources and other rare earth miners about their supplies of the minerals.

Putra Business School's Associate Professor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff said China's boycotting the supply of rare earths to the US would have no significant impact as there were plenty of other sources of the minerals and there were ways to

circumvent China's control of its global supply.

For Malaysia, he said the plant near Kuantan was owned by Lynas Corporation, an Australian company, which had its own customers and market for its refined rare earth materials.

"So there will be a minimum impact on Malaysia if China decides to boycott the US."

"US has its own mine in Mountain Pass that it can open again and start producing its own refined rare earths, or its technological companies can alter their products to use less of the substance."

On Malaysia's position in the trade war between China and the US, Budget Select Committee chairman Datuk Seri Mustapa Mohamed said the

country would not be in a better situation if it took sides.

"There has got to be a win-win solution as both are big countries."

"We need these big powers (to help with our economy)."

"China remains our biggest trading partner and foreign direct investor and the US continues to play a big role in Malaysia, too, in terms of trade and investment."

"The US' electrical and electronics companies also play an important role (in Malaysia)."

"These are important countries for Malaysia, so we are looking for a win-win (solution)."

"We hope we can come up with solutions not only for Malaysia. And this is not unique to Malaysia only, but also to other countries."

**LAMPIRAN 10**  
**BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

**PENGASINGAN SAMPAH**

# Rakyat Malaysia hasil 37,890 tan sisa setiap hari

→ Jumlah dianggar terus meningkat, tapak pelupusan sampah tepu

Oleh Suhaila Shahru Annuar  
suhaila.shahru@bh.com.my

■ Putrajaya

Rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 37,890 tan sisa setiap hari dengan sekurang-kurangnya 1.17 kilogram (kg) dijana bagi setiap individu.

Jumlah itu dianggarkan terus meningkat seiring pertambahan populasi penduduk dan lebih membimbangkan ia akan menyumbang kepada ketepuan tapak pelupusan sampah di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Dr Mohd Pauze Mohamad Taha, berkata tindakan dan tanggungjawab perlu diambil semua orang ke arah mengurangkan penjanaan sisa setiap hari kerana kos dikeluarkan kerajaan untuk pengurusan sampah

amat tinggi.

Sebagai contoh, kos pengurusan sampah bagi tujuh negeri di bawah pengurusan SWCorp iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur; Johor; Melaka; Negeri Sembilan; Pahang; Kedah dan Perlis mencecah RM2 bilion setiap tahun.

#### Cara pembuangan dengan sampah betul

"Jumlah itu sebenarnya boleh dikurangkan, jika masyarakat mengamalkan cara pembuangan sampah dengan betul termasuk termasuk menjadikan pengasingan sisa daripada puncak sebagai amalan dan mempraktikkan kitar semula.

"Pengurusan sampah dengan cara betul ini penting kerana jika ia tidak dilakukan mengikut cara sepatutnya seperti pelupusan dan perawatan, ia akan memberi kesan kepada alam sekitar pada masa depan seperti pencemaran air dan



Longgokan sampah yang tidak diasingkan di rumah flat sekitar ibu negara.

tanah yang akan mengganggu sumber air negara," katanya.

Mohd Pauze berkata, jangka hayat sesbuah tapak pelupusan adalah 20 hingga 25 tahun bergantung kepada kelasannya.

Katanya, tanah yang dijadikan tapak pelupusan sampah pula tidak boleh digunakan untuk sebarang pembangunan atau projek kerja ia perlu dirawat sekurang-kurangnya selama 20 tahun selepas itu berikut ada air larutan serapan (leachate) dan gas berbahaya dengan kadar pencemaran sangat tinggi.

#### Amal kitar semula

"Selain itu, pembangunan, terutama di kawasan bandar semakin pesat menyukarkan lagi proses mendapatkan tanah sesuai dijadikan kawasan pelupusan sampah kerana masyarakat tidak mau ia terletak berhampiran rumah.

"Bagi kawasan pesat membangun, tanah kosong yang ada hanya di kawasan tadahan air dan hutan simpan yang tidak sesuai dijadikan tapak pelupusan. Justeru, apa yang perlu dilakukan adalah mengurangkan janaan sampah, amalkan kitar semula dan menggunakan teknologi bagi merawat sisa ini.

"Jangan pandang ringan kepentingan amalan kitar semula kerana ia amat penting dan impaknya sangat besar kepada kehidupan seharian dan masa depan kita.

"Sampah sesuatu yang amat sensitif, masyarakat tidak mahu ia dekat dengan rumah mereka. Sebab itu kita perlu cari alternatif seperti beralih dari tapak pelupusan sisa pepejal termasuk tapak pelupusan sanitari kepada Loji Sisa Ke Tenaga (WTE)," katanya.



Jangan pandang ringan kepentingan amalan kitar semula kerana ia amat penting"

**Mohd Pauze Mohamad Taha,**  
Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif (Teknikal) SWCorp

**LAMPIRAN 11**  
**BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

# Penduduk tak endah arahan lakukan pengasingan

**Putrajaya:** Masih ramai penghuni di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini, tidak melakukan pengasingan sisa pepejal dari punca walaupun sudah tiga tahun mereka diwajibkan berbuat demikian.

Tinjauan di beberapa bangunan kediaman bertingkat mendapati penduduk sewenang-wenang membuang sampah tanpa mengsingkapnya terlebih dahulu.

Kebanyakan sisa yang dibuang dalam tong disediakan dalam rumah sampah tidak diasingkan mengikut kategori sepatutnya untuk dikitar semula.

Lebih menyedihkan, ada sampah dilambakkam di atas lantai rumah sampah dan barang yang sepatutnya boleh dikitar semula terbiar begitu saja dengan dihirung lalat.

Jaring kitar semula yang sepatutnya digunakan untuk pengasingan barang juga terbiar kosong dan ada barangan lain yang tidak sepatutnya dibuang dalam kemumu-

dah itu.

Bagaimanapun, amalan pengasingan sisa pepejal dari punca bagi kediaman bertingkat masih positif dengan sampah diasingkan dalam tong khas disediakan.

Sampah yang boleh dikitar semula diasingkan mengikut kategori sepatutnya, tanpa dibuang merata-rata.

#### **Pelbagai alasan**

Seorang penghuni kediaman bertingkat yang mahu dikenali sebagai Ani, berkata dia tidak pernah mengasingkan sampah kerana melihat tidak ramai melakukannya.

"Saya tahu peraturan itu tetapi tidak mengamalkannya kerana agak leceh. Memang sayang barang yang boleh dikitar semula dibuang begitu sahaja, tetapi kadang kala tiada masa menguruskannya.

"Bagaimanapun, jika semua melakukannya, saya rasa tiada masalah untuk yang lain mengambil tindakan sama," katanya.

Di **Johor Bahru**, walaupun

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) membekalkan sangkar kitar semula kepada penghuni kediaman bertingkat bagi memudahkan mereka mengasingkan sisa pepejal sejak empat tahun lalu, penduduk tidak memanfaatkannya kerana kurang kesedaran.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A Rahman, berkata penghuni juga tidak peduli mengenai kepentingan pengasingan sisa pepejal terutama kesannya terhadap alam sekitar dan mutu kehidupan generasi akan datang, sekaligus menyebabkan inisiatif berkenaan tidak berkesan.

"Agak mendukacitakan apabila ada pihak menyalahgunakan kemudahan itu dengan menggunakan sisa untuk membuat sampah domestik dan bukannya sampah yang boleh dikitar semula.

"Namun begitu, MBJB menerusi Jabatan Kesihatan MBJB, Ahli Majlis MBJB dan SWCorp akan terus menggerakkan promosi bagi membangkitkan kesedaran warga ban-

dar raya tentang pentingnya pengasingan sisa pepejal," katanya.

#### **Tiada kuasa ambil tindakan**

Di **Kuala Lumpur**, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tiada kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik premis yang enggan mengasingkan sampah.

Bagaimanapun, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata pihaknya tetap berusaha untuk menjayakan dasar itu dengan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti menggalakkan amalan kitar semula.

"DBKL juga melaksanakan program pembelian minyak masak terpakai yang dilaksanakan di beberapa kawasan komersial/bangunan DBKL dan pasar malam.

"Kita juga melancarkan Program Inisiatif Hijau di Pasar Borong KL untuk mengasingkan sisa sayur untuk dijadikan bahan kompos dengan menggunakan spesies latat 'black soldier fly,' katanya.

**BH** dalam laporan eksklusif semalam melaporkan hanya 10 peratus daripada 1.25 juta kediaman bertingkat di tujuh negeri melaksanakan pengasingan sisa pepejal di premis masing-masing meskipun sudah tiga tahun peraturan itu dikuatkuasakan.

Ini bermakna penghuni di 125,000 premis bertingkat menjadikan pengasingan sampah sebagai amalan mereka, manakala sebahagian masih liat walaupun enggan mereka berbuat demikian boleh mendatangkan musibah kepada negara.

Pengasingan sisa pepejal di punca diwajibkan bagi premis bertanah dan bertingkat di tujuh negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 sejak 1 Jun 2016.

Negeri berkenaan ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah, membabitkan 53 kawasan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT).

## LAMPIRAN 12

### HARIAN METRO (HATI): MUKA SURAT 56

#### TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)

**Yusliza Yakimir Abd Talib**  
yusliza@hmetro.com.my

**Walaupun** mungkin ada yang tahu mengenai amalan kitar semula, usaha untuk memahami kepentingannya masih terbatas. Malah ada yang menganggap ia perkara lemah kerana setiap barang perlu diasingkan mengikut jenisnya.

Oleh itu, pendedahan awal terhadap amalan kitar semula khususnya kanak-kanak sekolah mengenai manfaatnya secara tidak langsung mendidik mereka menjadi individu prihatin.

Malah jika rakyat di negara ini membudayakan amalan kitar semula, kesan jangka panjang akan dapat melestarikan alam sekitar.

Baru-baru ini, Mondelez International (Malaysia) menjalin kerjasama dengan Me.reka Markospace iaitu satu organisasi yang memperluaskan idea progresif kitar semula untuk menghasilkan sebuah taman permainan yang berasaskan penggunaan bahan terpakai di sekolah anak angkat Mondelez di bawah program Joy Schools.

Tahun ini, sekolah yang terbabit untuk program itu adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 18 Shah Alam dan SK Bandar Sunway.

Program Joy Schools adalah sebahagian program tanggungjawab sosial korporat Mondelez International bertujuan memperkasaan kanak-kanak ke arah kesejahteraan keseluruhan melalui tiga cabang utama iaitu pendidikan mengenai nutrisi, menyediakan akses kepada makakan segar dan menyokong kegiatan aktif.

Pengarah Urusan Mondelez International Malaysia dan Singapura, James Kane berkata, melalui penghasilan taman permainan yang diberi nama 'Upcycle Joy Playground', pihaknya dapat menyokong dua perkara yang amat diberi perhatian sebagai sebuah syarikat iaitu kesejahteraan masyarakat.

Katanya, dengan memasukkan elemen Joy Schools ia menggalakkan kanak-kanak bergiat aktif, cerdas serta cergas melalui penggunaan Joy Playground.

"Kami juga ingin mendidik kanak-kanak mengenai kepentingan menggunakan bahan kitar semula dalam usaha menyelamatkan alam sekitar.

"Apa yang lebih menarik mengenai taman permainan ini, kami mengadakan Bengkel dua hari disertai



MURID sekolah yang terbabit dalam program Joy School.

# TAMAN PERMAINAN BAHAN TERPAKAI

### Didik kanak-kanak kepentingan guna bahan kitar semula untuk selamatkan alam sekitar



MURID turut sama membantu membina alat taman permainan daripada bahan kitar semula.

murid di kedua-dua sekolah ini untuk memberi pendedahan kepada kepentingan kitar semula.

"Selain itu, kami dan murid sekolah itu juga berganding bahu membina projek Joy Playground ini untuk membolehkan mereka belajar melalui pengalaman melalui aktiviti ini.

"Ia juga dapat

menggabungkan komponen kognitif melalui pemahaman yang disampaikan oleh fasilitator yang terdiri daripada sukarelawan Me.reka dan Mondelez Malaysia.

Komponen psikomotor dalam elemen pembinaan dan pembuatan.

"Akhir sekali, afektif iaitu memberi tumpuan kepada nilai yang dipelajari



MURID diberi pendedahan mengenai kepentingan kitar semula.

dan mengaitkannya dengan tanggungjawab terhadap alam sekitar," katanya.

dan mengaitkannya dengan tanggungjawab terhadap alam sekitar," katanya.

Upcycle Joy Playground terdiri daripada empat binaan alat permainan iaitu:

#### • Kayu keseimbangan

Ia bertujuan melatih kanak-kanak mengimbangkan badan dan meningkatkan kemahiran motor dan mengelakkan daripada kecederaan. Bahan yang digunakan ialah blok kayu dan batu eko.

#### • Bullseye

Tujuannya membina fokus kanak-kanak, matlamat, tumpuan, dan sukan kompetitif yang sihat. Bahan yang

digunakan ialah papan kayu terpakai dan penutup botol.

#### • Papan plinko

Membina fokus kanak-kanak untuk mengemudi permainan, memberikan tumpuan untuk mencapai matlamat. Bahan yang digunakan terdiri daripada papan kayu terpakai, plastik dan penutup botol.

#### • Kerusi dan meja kitar semula

Segali sudut info dengan papan tanda yang mempunyai keterangan mengenai Joy Playground dan tujuannya. Antara bahan yang digunakan adalah batu eko, kayu balak dan tayar.

Inisiatif ini juga antara langkah positif syarikat menyokong komitmen global Mondelez International dalam usaha ke arah Sisa Sifar dengan menggunakan bahan yang boleh dikitar semula dalam pembungkusan menjelang 2025.

Menurut James, inisiatif itu juga tidak terhad hanya sekadar melalui Joy Schools sebaliknya dalam skala lebih besar yang dapat dilihat di kilang pembuatan syarikat itu seperti di kilang coklat Cadbury di Shah Alam.

Katanya, selain daripada menghantar sisa coklat, kertas dan plastik ke pusat kitar semula, pihaknya juga bekerjasama dengan syarikat pengurusan sisa yang mana sebarang bahan yang dibuang dan sisa yang berkaitan akan dikisar menggunakan teknologi terkini sebelum dihantar ke kilang simen sebagai alternatif kepada bahan api.

Segala usaha dan inisiatif yang dijalankan oleh syarikat itu, katanya bertepatan dengan strategi terbaru syarikat yang dilancarkan tahun lalu untuk memperkasaan orang ramai dalam memilih snek dengan betul. Jadi pihaknya perlu menawarkan snek yang tepat, pada waktunya yang tepat dan dibuat dengan cara yang tepat.

"Secara keseluruhannya, syarikat sentiasa berusaha memastikan produk yang dihasilkan bukan saja lazat tetapi dibuat dengan bahan yang didapat daripada sumber yang mampan dan dieckarkan ke serata tempat dengan memberi kesan yang positif di sepanjang rantauan bekalan," katanya.

**LAMPIRAN 13**  
**KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 42**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

**Letusan Sinabung  
jejas tiga  
daerah di Aceh**

**BANDA ACEH, Indonesia** – Tiga rantau di Aceh terjejas akibat abu gunung berapi yang berpunca daripada letusan Gunung Sinabung sejak kelmarin.

Tiga rantau itu merupakan Daerah Aceh Tenggara, Aceh Selatan dan Simuelue.

Ketua Pengarah Eksekutif Badan Pengurusan Bencana Aceh (BPBA), T. Ahmad Dadek berkata, abu vulkanik masih menyelubungi ketiga-tiga daerah itu setakat pagi semalam, namun ia tidak begitu tebal.

“Abu dari Gunung Sinabung menjelaskan tiga rantau ini.

“Ini berikutkan faktor arah angin, tambahan pula, tiga daerah ini terletak sebelah-menyebelah,” katanya semalam.

Sehubungan itu, BPBA meminta penduduk menggunakan peralatan seperti topeng mulut dan hidung serta memakai baju lengkap panjang dan cermin mata untuk melindungi diri ketika di luar rumah.

“BPBA meminta penduduk di kawasan terjejas untuk menjaga kesihatan masing-masing. Mereka disaran menggunakan peralatan seperti topeng mulut dan hidung serta kaca mata,” tambah Ahmad Dadek.

Agensi itu juga meminta penduduk mengurangkan aktiviti luar rumah kerana mereka yang terdedah kepada abu gunung berapi berisiko berdepan masalah pernafasan, terutamanya pengidap penyakit paru-paru.

Penduduk juga diminta untuk menutup tingkap, pintu, tempat pembakaran atau dapur kayu di samping mengurangkan penggunaan penyaman atau pemanas udara.

“Ini dapat mengelakkkan kemasukan abu dan gas vulkanik tersebar ke dalam rumah,” katanya.

- Agensi

AFP

GUNUNG Sinabung di daerah Karo, Sumatera utara mengeluarkan abu tebal kelmarin.



**LAMPIRAN 14**  
**KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 43**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

## Lombong runtuh di China, 9 terkorban

**BEIJING** – Seramai sembilan orang terbunuh manakala lebih 10 yang lain cedera selepas sebuah lombong runtuh di wilayah Jilin, timur laut China kelmarin, lapor agensi berita *Sputnik* yang memetik kenyataan pentadbiran Zon Pembangunan Ekonomi Konggang.

Menurut kenyataan tersebut, lombong milik syarikat perlombongan Jilin Longjiabao Mining itu runtuh kira-kira pukul 8 malam (waktu tempatan) akibat gempa bumi lemah berukuran 2.3 pada skala Richter. Beberapa pelombong terperangkap di bawah tanah akibat runtuhannya tersebut.

Pihak berkuasa tempatan diarahkan segera memulakan operasi mencari dan menyelamat yang kemudian ditamatkan semalam. Satu siasatan mengenai insiden itu sedang dilakukan.

Kenyataan sama turut menyatakan semua yang cedera dibawa ke hospital dan keadaan mereka stabil. – Bernama

**LAMPIRAN 15**  
**NEW STRAITS TIMES (HEAL): MUKA SURAT 49**  
**TARIKH: 11 JUN 2019 (SELASA)**

# Research focus on just mice and males outdated

THE primary excuse for not including females in research was first, that hormones just made everything so complicated that you were going to have a difficult time if you tried to study the brain in females animals, says neurobiologist Rebecca Shansky, explaining the conventional wisdom at the time.

Shansky's article published in the US journal *Science* recently denounced that practices as based on outdated gender stereotypes from the 19th century that are continuing to influence scientific research today.

In science, women were traditionally considered more complicated versions of men. Researchers believed menstrual cycles and the biological changes that went along with them made women "hormonal, emotional, unstable study subjects says Shansky, who is now at the neuroanatomy and behaviour laboratory at Northeastern University in Boston.

For half a century, the proliferation of this myth caused scientists to focus their



US neurobiologist Rebecca Shansky recalls her first experiences studying mice in the lab two decades ago: the "default" was to study males.

studies nearly exclusively on male mice, rats and primates, so that the male brain became considered the baseline for a human brain. But male mice can have their own hormonal changes too, with one to five

times the level of testosterone depending on whether or not they are dominant — though scientists considered such changes a "nonissue" in males, Shansky wrote in her paper.

That means that for decades, pharmaceutical labs developed drugs that were later found to be a poor fit for many women's bodies or brains, especially when it comes to mental illnesses such as depression or anxiety, which affect more women than men.

A popular sleep aid drug is a famous example — it caused more side effects in women than in men.

"It turns out that women should actually be taking half the dose that men do because they metabolise the drug really differently," says Shansky.

But things are slowly changing. A new field of research is emerging that focuses on the differences between the sexes when it comes to anti-cancer treatments.

And since 2016, publicly funded research from the National Institutes of Health in the US requires studies to consider sex as a biological variable.

"Money is a good motivator for people, and so I think that will help," says Shansky.

AFP Relaxnews